

# Kes Dr. M bukti UMNO 'berhati besar' – Radzi

UM - 4/11/2006

**ARAU** 3 Nov. – Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata, keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti untuk tidak mengambil tindakan disiplin terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan parti itu mempunyai 'hati yang besar'.

Menurutnya, sebagai sebuah parti besar, isu bekas Perdana Menteri itu telah dibincangkan dengan serius pada mesyuarat MT semalam ekoran tindakan Dr. Mahathir mengkritik kepimpinan parti.

"Semua ahli MT telah menyuarakan pandangan mereka dan hasilnya adalah keputusan sebulat suara," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail di

**Tindak-tanduk bekas Perdana Menteri itu akan terus dipantau dan tindakan beliau seterusnya akan menentukan pendirian parti terhadap Dr. Mahathir**

Dewan Sivik di sini, hari ini.

Bagaimanapun katanya, tindak-tanduk bekas Perdana Menteri itu akan terus dipantau dan tindakan beliau seterusnya akan menentukan pendirian parti terhadap Dr. Mahathir.

Katanya, kalau sudah tiba masanya untuk UMNO mengambil tindakan lebih tegas, ia tetap akan diambil.

**RADZI SHEIKH AHMAD**  
Setiausaha Agung  
UMNO

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa MT memutuskan untuk tidak mengambil tindakan disiplin terhadap Dr. Mahathir dan mengekalkan jawatannya sebagai penasihat kepada beberapa badan kerajaan.

Namun Abdullah menegaskan, ini tidak bermakna Dr. Mahathir kebal daripada

dikenakan sebarang tindakan jika melanggar peraturan dan perlembagaan parti kerana semua ahli UMNO tidak terkecuali daripada hukuman itu.

Radzi memberitahu, mesyuarat MT semalam bukan sahaja membincangkan isu bekas Perdana Menteri itu tetapi juga pelbagai isu lain berkaitan dengan parti dan kerajaan.

"Presiden parti juga telah memaklumkan kepada ahli MT tentang perjumpaan empat mata antara beliau dengan Dr. Mahathir baru-baru ini," ujarnya.

Katanya, Presiden parti telah memaklumkan tentang isu-isu yang dibincangkan dan beliau juga akan menjelaskan isu-isu dibangkitkan oleh Dr. Mahathir kepada rakyat pada masa yang difikirkan sesuai.